

## ANALISIS PENGURUSAN DANA ZISWAF OLEH DOMPET DHUAFA DALAM MEMPERKASAKAN SOSIO-EKONOMI DHUAFA DI INDONESIA

*Analysis of Ziswaf Fund Management by Dompet Dhuafa in the Socio-Economic Empowerment of Dhuafa in Indonesia*

Marina Abu Bakar<sup>\*ii</sup>, Shofian Ahmad<sup>iii</sup>, Ahmad Dahlan Salleh<sup>iv</sup> & Mohd Fairuz Md Salleh<sup>v</sup>

<sup>i</sup> Calon Ph.D, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, [cikmarina9@gmail.com](mailto:cikmarina9@gmail.com)

<sup>ii</sup> Pensyarah, Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300, Kuala Ketil, Kedah, [marinaabubakar@unishams.edu.my](mailto:marinaabubakar@unishams.edu.my)

<sup>iii</sup> Profesor Madya, Dr., Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, [shofian@ukm.edu.my](mailto:shofian@ukm.edu.my)

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, [dahlan@ukm.edu.my](mailto:dahlan@ukm.edu.my)

<sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, [fairuz@ukm.edu.my](mailto:fairuz@ukm.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Yayasan Dompet Dhuafa Republika atau lebih dikenali sebagai Dompet Dhuafa ialah institusi bukan keuntungan yang ditubuhkan untuk membantu dhuafa melalui aktiviti-aktiviti sosial dan kemanusiaan di Indonesia. Yayasan ini menguruskan dana ZISWAF (Zakat, Infaq, Sadaqah dan Wakaf) serta dana-dana lain daripada individu, kumpulan, syarikat atau institusi di Indonesia. Sehingga kini, Yayasan Dompet Dhuafa telah mengumpul dan menyalurkan dana ZISWAF untuk pelbagai program kemanusiaan, termasuklah program sosial dan ekonomi untuk pembangunan asnaf di hampir seluruh pelusuk Indonesia. Kejayaan pengurusan dan profesionalisme Dompet Dhuafa dalam mentransformasi dan memperluas manfaat zakat dan wakaf</i></p>	<p><i>The Dompet Dhuafa Republika Foundation or better known as Dompet Dhuafa is a non-profit institution established to assist dhuafa through social and humanitarian activities in Indonesia. The Foundation manages ZISWAF funds (Zakat, Infaq, Sadaqah and Waqf) as well as other funds from individuals, groups, companies or institutions in Indonesia. Until now, the Dompet Dhuafa Foundation has been collecting and channeling ZISWAF funds for various humanitarian programs, including social and economic programs for the development of dhuafa in almost all areas of Indonesia. The success of Dompet Dhuafa's management and professionalism in transforming and expanding the benefits of zakat and waqf to help this asnaf have been recognized globally through the Ramon Magsaysay Award Foundation(RMAF) in</i></p>

<p>untuk membantu dhuafa ini telah diiktiraf di peringkat global melalui penghargaan dari Ramon Magsaysay Award Foundation (RMAF) pada tahun 2016. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pengurusan dana ZISWAF oleh Dompet Dhuafa dalam memperkasakan sosio-ekonomi dhuafa di Indonesia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian dikumpul melalui dokumen dan temu bual bersama kumpulan berfokus. Data kemudiannya dianalisis menggunakan metod analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa program yang dianjurkan oleh Dompet Dhuafa melalui dana ZISWAF dapat membantu memperkasakan sosio-ekonomi dhuafa di Indonesia. Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak-pihak pengurus zakat dan wakaf dalam menguruskan dana yang mampu membangunkan aspek sosial dan ekonomi dhuafa di masa akan datang.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Dompet Dhuafa, ZISWAF, Sosio-ekonomi dhuafa</p>	<p>2016. The objective of this study was to analyze the management of ZISWAF fund by Dompet Dhuafa for socio-economic empowerment of dhuafa in Indonesia. This is a qualitative study using case study design. Data were collected through documents and interviews with focus groups. Data were analyzed using content analysis method. The findings show that the program organized by Dompet Dhuafa through ZISWAF funds can support the socio-economic empowerment of dhuafa in Indonesia. The results of this study are expected to assist the zakat and waqf fund management parties in managing the funds that are able to develop the social and economic aspects of dhuafa in the future.</p> <p><b>Keywords:</b> Dompet Dhuafa, ZISWAF, socio-economic of dhuafa</p>
---	--

## PENDAHULUAN

Sistem ekonomi Islam adalah berbeza dengan sistem-sistem ekonomi yang lain seperti komunis, sosialis, kapitalis atau materialis. Apa yang uniknya, sistem ekonomi Islam memiliki kebaikan yang sama sebagai mana sistem-sistem ekonomi tersebut, tetapi pada masa yang sama bebas daripada keburukan sistem-sistem tersebut. Islam menekankan aspek kehidupan manusia di dunia dan di akhirat kerana segala sumbangan manusia dalam membangunkan alam ini untuk meningkatkan taraf hidup sendiri, masyarakat dan negara akan menjadi amal jariah yang akan meningkatkan martabatnya di sisi Allah SWT. Justeru, penglibatan manusia Muslim dalam membangunkan dan meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat dan umat adalah suatu amal soleh serta meningkatkan maruah dan doktrin Islam di mata umat yang lain.

Indonesia adalah negara kepulauan terbesar di dunia yang terletak di Asia Tenggara. Jumlah pulau yang dimiliki oleh Indonesia adalah sebanyak 17.508 pulau dengan keseluruhan luas wilayahnya adalah sebesar 1,904,569 km<sup>2</sup>. Pulau-pulau utama Indonesia adalah Pulau Sumatera, Pulau Kalimantan, Pulau Jawa, Pulau Sulawesi dan Pulau Papua. Sebagai Negara Kepulauan Terbesar di dunia, Indonesia juga merupakan salah satu negara yang memiliki garis pantai terpanjang di dunia. Indonesia memiliki populasi sebanyak 260.580.739 penduduk dengan majoriti penduduknya adalah beragama Islam (sekitar 87.2%). Jumlah penduduk sebanyak 260 juta ini telah menjadikan Indonesia sebagai negara yang memiliki jumlah penduduk terbanyak keempat di dunia sekaligus juga merupakan negara yang berpenduduk Muslim terbesar di dunia (hampir 227 juta penduduk Indonesia adalah beragama Islam) (Profil Indonesia, 2019).

Dewasa ini, telah banyak usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh Indonesia dalam mengoptimalkan dana zakat, wakaf dan sedekah dan ini boleh dilihat dengan pertumbuhan lembaga amil zakat, wakaf dan lain-lain. Salah satunya adalah Dompet Dhuafa yang komited dalam menguruskan hasil dana ZISWAF dengan konsep yang telus dan mampu diterima oleh masyarakat setempat. Penubuhan Dompet Dhuafa ini, telah berjaya memberikan manfaat program kepada 11.300.859 penduduk Indonesia. Jumlah penerima manfaat tersebut terbahagi kepada empat teras utama dalam bahagian-bahagian di Dompet Dhuafa iaitu, Ekonomi, Kesihatan, Pendidikan, dan Pembangunan Sosial.

## **ZAKAT, WAKAF DAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI DHUAFA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Islam menggariskan beberapa peraturan bagi memudahkan manusia mengurus lebih harta secara adil dan sistematik agar lebih harta tersebut dapat mendatangkan kebaikan, keadilan, pertolongan dan kebajikan terhadap golongan yang kurang berkemampuan untuk memenuhi keperluan mereka (al-Maududi, 1975). Kaedah ini dinamakan sebagai pengagihan semula kekayaan, di mana Islam menitikberatkan pelaksanaan tanggungjawab sosial di kalangan orang Islam. Menurut Afzalur Rahman (1990), kaedah pengagihan semula kekayaan ini mempunyai beberapa ciri-ciri utama iaitu mempunyai matlamat untuk mencapai kesejahteraan orang Islam dalam mendapatkan haknya, didasari oleh sistem pemberian daripada golongan kaya kepada golongan miskin, melibatkan semua peringkat

masyarakat, individu, swasta dan kerajaan, berteraskan prinsip membasmi kemiskinan mengikut maqasid syarak dan boleh diagihkan dalam bentuk kewangan, barang, atau perkhidmatan (Rahman, A., 1990).

Prinsip agihan kekayaan ini boleh dilaksanakan mengikut dua kaedah utama sebagaimana yang ditentukan oleh syarak iaitu kaedah wajib dan peraturan sunat pilihan. Kaedah wajib merupakan peraturan yang melibatkan proses pemindahan harta secara wajib dari satu pihak ke pihak yang lain melalui pemerintah atau badan-badan tertentu. Zakat termasuk dalam kategori ini di mana ia adalah alat utama untuk membasmi kemiskinan secara keseluruhannya melalui perbelanjaan untuk menjamin kebajikan kepada golongan miskin dan melarat (al-Qaradhawi, 1991). Zakat juga berfungsi sebagai undang-undang pertama dalam membentuk jaminan ekonomi dan berdasarkan perhatian penuh dari pemerintah bagi menjamin kesejahteraan umat Islam, Kristian dan Yahudi yang tinggal di negara Islam (al-Qaradhawi, 1991). Pengagihan zakat dapat dibahagikan kepada dua golongan dan tujuan utama, iaitu agihan kepada golongan yang berupaya mencari sumber kehidupan seperti melalui penyediaan modal, tanah dan peralatan, dan agihan kepada golongan yang tidak berupaya mencari punca kehidupan dan diagihkan secara langsung seperti keperluan-keperluan asas, wang dan sebagainya (al-Jarhi, M.A, 1985).

Selain itu, Islam turut meletakkan kaedah yang sesuai mengikut kemampuan manusia melalui kewajipan yang berbentuk galakkan kepada umat Islam bagi membantu saudaranya yang memerlukan bantuan atau keperluan sebagai tanggungjawab sosial. Wakaf termasuk dalam kategori peraturan sunat pilihan ini. Islam menggalakkan umatnya untuk melakukan wakaf dari harta yang dimiliki dengan tujuan memberi manfaat kepada kebajikan umum. Dari sudut harta wakaf pula, ia boleh diagihkan dengan cara disewakan atau dilaburkan dan keuntungan yang diperolehi daripadanya diserahkan untuk ahli keluarga yang menerima wakaf atau untuk tujuan pembiayaan awam, bantuan kepada golongan miskin, anak yatim dan lain-lain (Mohd Harun, M.F & Abdullah, A.F, 2007).

## **YAYASAN DOMPET DHUAFA REPUBLIKA**

Yayasan Dompet Dhuafa Republika atau juga dikenali sebagai Dompet Dhuafa merupakan sebuah institusi bukan keuntungan yang ditubuhkan untuk membantu asnaf melalui aktiviti-aktiviti sosial dan kemanusiaan di Indonesia. Yayasan ini menguruskan dana ZISWAF (Zakat, Infaq, Sadaqah dan Wakaf) serta dana-dana lain daripada individu, kumpulan, syarikat atau

institusi di Indonesia. Penubuhannya merupakan cetusan ilham daripada Parni Hadi, seorang aktivis, pendakwah dan Pemimpin Redaksi Harian Umum Republika. Pada 2 Julai 1993, akhbar Harian Umum Republika telah menyatakan jumlah dana yang diperolehi daripada zakat dan sumbangan pembaca akhbar ini menerusi ruangan kecil "Dompet Dhuafa". Pada akhir tahun pertama, jumlah dana yang terkumpul adalah sebanyak Rp300 juta.

Pada 14 September 1994, Yayasan Dompet Dhuafa Republika telah ditubuhkan secara rasmi melalui Akta No. 41 di hadapan notaris H. Abu Yusuf S.H. Seramai empat orang yang bertanggungjawab terhadap penubuhannya iaitu Parni Hadi, Haidar Bagir, Sinasari Ecip dan Erie Sudewo. Menteri Agama Republik Indonesia melalui Surat Keputusan (SK) No. 439 Tahun 2001 telah meluluskan Dompet Dhuafa sebagai Lembaga Amil Zakat pada 8 Oktober 2001. Seterusnya, pada 10 Jun 2010, Dompet Dhuafa Corpora (DDC) telah ditubuhkan bagi memisahkan aspek kewangan Direktorat Bisnes, *Fundraising* dan Program. Pemisahan ini termaktub dalam SK Dewan Pembina Yayasan Dompet Dhuafa Republika No. 109/DD-Corsec/Rajab/1431. DDC adalah syarikat induk yang bertanggungjawab menyelaras semua aktiviti perniagaan sosial Dompet Dhuafa.

Dompet Dhuafa telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) selama setahun iaitu bermula dari 20 September 2006 hingga 20 September 2007. Kerjasama ini merangkumi aspek penyatuan, pengurusan dan penggunaan zakat. Antara program kerjasama yang wujud pada waktu itu adalah Rumah Sehat Sunda Kelapa di kawasan Menteng, Jakarta dan Baitul Maal Desa (BMD) di 25 buah desa. Pada 16 Jun 2011 pula, Dompet Dhuafa telah mengorak langkah ke hadapan apabila mendapat pengiktirafan sebagai Nazhir Wakaf oleh Badan Wakaf Indonesia (BWI). Selepas empat tahun kemudian, Dompet Dhuafa telah menerima pengiktirafan sebagai Nazhir Wakaf Uang pula oleh Badan Wakaf Indonesia (BWI) pada 10 Februari 2015.

Tahun 2016 menyaksikan pencapaian terbaik Dompet Dhuafa di peringkat nasional dan global. Ecosoc (*Economic and Social Council*) iaitu salah sebuah badan di bawah PBB telah menganugerahkan status konsultatif khas kepada Dompet Dhuafa pada 8 April 2016. Dompet Dhuafa juga telah mendapat Surat Keputusan Nomor 239 Tahun 2016 dari Menteri Agama Republik Indonesia pada 25 Mei 2016. Surat Keputusan ini merupakan lesen lantikan Dompet Dhuafa sebagai Lembaga Amil Zakat Skala Nasional. Kemuncaknya, pada 31 Ogos 2016, Dompet Dhuafa telah menerima

penghargaan dari Ramon Magsaysay Award Foundation (RMAF) 2016 atas prestasi dan kejayaannya mentransformasi dan memperluas manfaat zakat dalam membantu masyarakat dhuafa di Indonesia dan di peringkat global. Anugerah ini merupakan pencapaian bertaraf dunia yang dimiliki oleh Dompet Dhuafa iaitu setelah disenaraikan sebagai antara lima filantropis terbaik di peringkat dunia pada tahun tersebut.

Dompet Dhuafa terus melakar kejayaan demi kejayaan apabila dianugerahkan tiga anugerah berikutnya pada tahun 2017 iaitu Anugerah Organisasi Terpilih di Indo Relawan Award 2017, Anugerah Lembaga Amil Zakat Nasional dengan Operasi Kelembagaan Terbaik Versi BAZNAS di BAZNAS Award 2017 dan Anugerah Human Dignity atas sumbangan luar biasa yang diberikan dalam tamadun dan peradaban di Indonesia di GIB Award 2017.

### **PROGRAM EKONOMI DOMPET DHUAFA**

Dompet Dhuafa telah merangka program ekonomi untuk memanfaatkan dana ZISWAF yang memfokuskan kepada pembangunan ekonomi dan pemerkasaan golongan dhuafa di hampir seluruh pelusuk Indonesia. Menerusi program ekonomi ini, Dompet Dhuafa mendekati para mustahik melalui pelbagai program yang direka mengikut kesesuaian masyarakat tempatan dan membina peluang-peluang pekerjaan yang baru. Dengan menggunakan pendekatan seperti ini, penerima manfaat bukan sahaja dapat diperkasakan, sebaliknya mampu berdikari dari segi kewangan dan kemudiannya dapat menyumbang semula manfaat tersebut melalui aktiviti zakat pada masa akan datang (Laporan Tahunan Dompet Dhuafa 2017, 2019; Temubual, 2019).

Selain itu, program-program yang dihasilkan juga diharap dapat membantu untuk menaiktaraf kehidupan mustahik dengan cara menambah pendapatan dan kemahiran mereka untuk mengurus perniagaan secara kecil-kecilan. Mustahik akan dapat menguasai kebolehan untuk mengurus perniagaan, mengumpul modal, membina jaringan pemasaran, mengurangkan risiko perniagaan dan mengawal aset-aset ekonomi. Dompet Dhuafa telah membangunkan tujuh program ekonomi iaitu Pertanian Sehat, Penternakan Rakyat, Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM) dan Pesisir, Pengembangan Keuangan Mikro Syariah (PKMS), Collaborate Empowerment atau *grantmaking*, Trading Area dan Pengembangan Kawasan.

Pada tahun 2017, seramai 18,523 orang telah menerima manfaat daripada program-program ekonomi yang dijalankan. Sebanyak 6,812 orang penerima manfaat daripada program Penternakan Rakyat, 3,140 orang daripada PKMS, 2,414 orang daripada Pengjar, 2,020 orang daripada *grantmaking*, 1,900 orang daripada Trading Area, 650 orang daripada DD CSR Fokus, 440 orang daripada Pertanian Sehat, 400 orang daripada UMKM dan Pesisir, manakala bagi 327 daripada program lain-lain.

Pertanian Sehat (*Healthful Agriculture*) berasal daripada program *Laboratorium Biology* pada tahun 1999 yang berperanan untuk membangunkan pertanian agrikultur secara sihat untuk membantu dhuafa di kalangan petani. Program ini telah dikembangkan kepada lima iaitu Bank Benih (*Seed Bank*), Klaster Mandiri Program Pertanian (*Independent Cluster of Agriculture Program*), Usaha Tani Komunitas (*Community Farming*), Lumbung Desa (*Village Barn*) dan Agrobudaya Pertanian (*Agrobudaya Agriculture*). Antara ciri-ciri isitmewa Pertanian Sehat ini adalah pembangunan dalam aspek pertanian non-pestisida yang baik untuk persekitaran dan tidak membahayakan kesihatan, pembangunan terhadap para petani melalui kekuatan modal secara berkumpulan serta pengukuhan kemudahan-kemudahan fizikal dan sinergi dalam jaringan pemasaran produk. Program ini bukan sahaja dapat memastikan para petani menjalani kehidupan yang lebih baik tetapi dapat mengurangkan ancaman terhadap keselamatan makanan (*food security*) di Indonesia. Bermula tahun 2017, Dompet Dhuafa telah mengembangkan program berdasarkan pertanian di beberapa daerah di Indonesia di mana komuniti petani telah diberikan kemudahan untuk mengusahakan pertanian seperti benih, peralatan untuk mengusahakan agrikultur, rumah hijau serta bantuan untuk memasarkan produk di pasaran dengan harapan agar kehidupan mereka akan bertambah baik dan pada akhirnya dapat mengeluarkan mereka daripada golongan *mustahik* kepada *muzakki*. Antara komoditi yang terlibat dalam program pertanian ini ialah nenas, beras sihat dan holtikultur, ikan bilis, ikan masin, produk-produk laut, kopi dan lain-lain.

“Tebar 999 Hewan Kurban” dimulakan pada tahun 1994 dan telah digantikan namanya pada tahun 1997 kepada Tebar Hewan Kurban (THK). Pihak Dompet Dhuafa berkerjasama dengan program pemerkasaan penternak untuk menyediakan haiwan-haiwan korban di kawasan yang terpilih. Melalui cara ini, masyarakat dhuafa bukan sahaja dapat menerima manfaat berupa daging korban, tetapi juga dapat menerima manfaat ekonomi

kerana penternakan yang dilakukan. Program pemerkasaan penternak melibatkan para penternak di kalangan *mustahik* di beberapa lokasi di Indonesia seperti Sukabumi di Jawa Barat, Majalengka di Jawa Barat, Maluku Utara, Karawang, Lampung dan lain-lain. Antara haiwan-haiwan yang diternak adalah kambing, lembu, lembu tenusu, lembu Bali, kambing Priangan, kambing Saburai (G1) dan (G2), kambing Boer Jantan dan biri-biri. Bermula dari tahun 2013 hingga 2017, seramai 1, 968 orang telah menerima manfaat daripada program ini.

Program Usaha Mikro Kecil dan Menengah (UMKM) dan Pesisir (*Small and Medium Enterprises and Coastal*) telah bermula sejak tahun 2000 lagi. Program ini dahulu dikenali sebagai Pengembangan Kemandirian Masyarakat (P2KM). Fokus utama program ini adalah untuk membantu para usahawan mikro dalam pelbagai industri kreatif, makanan kesihatan, produk-produk laut dan sebagainya. Antara program yang dijalankan sehingga kini adalah Bakso Kitchen Centre, Pengrajin Payung Lukis, Pemberdayaan Nelayan Kerang Hijau, Kelompok Pedagang Sayur Tangguh dan lain-lain. Sejak tahun 2015 hingga 2017, seramai 2, 656 orang telah menerima manfaat daripada program ini.

Dompet Dhuafa turut bercita-cita membangunkan institusi kewangan untuk membantu golongan dhuafa dalam aspek sinergi dan modal mereka. Rentetan cita-cita ini, Dompet Dhuafa telah membangunkan program Pengembangan Keuangan Mikro Syariah (PKMS) (*Sharia Micro Financial Development*) pada akhir tahun 2009. PKMS berfungsi sebagai bank orang miskin dengan menawarkan pembiayaan kepada mereka tanpa perlu membayar bunga dan margin yang tinggi. Transaksi utama dalam pembiayaan ini ialah *qardh al-hasan*, iaitu pinjaman tanpa bunga. Untuk dua tahun pertama, akad pembiayaan ini diambil daripada sumber-sumber seperti zakat, infaq, sedekah, dana *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan dana sosial yang lain. PKMS mempunyai dua program utama iaitu *Baitul Mal Wa Tamwil* (BMT) dan *Social Trust Fund* (STF). BMT menggunakan konsep institusi komuniti, di mana pengasas dan ahli-ahlinya terdiri daripada mustahik yang berkongsi modal sesama mereka. BMT juga mengumpul dana daripada para penyumbang modal di kalangan masyarakat supaya mereka dapat membangunkan institusi tersebut demi kebajikan golongan yang memerlukan. STF pula diadaptasi daripada konsep koperasi syariah bagi tujuan pembiayaan untuk modal perniagaan mikro dan kecil-kecilan. Kekuatan program STF adalah kepercayaan yang dibina antara pengurus dan

penerima manfaat. Pada tahun 2017, seramai 1,364 orang telah menerima bantuan daripada program BMT, manakala 1, 776 orang pula menerima bantuan daripada program STF.

*Collaborate Empowerment* mula dirintis oleh Dompet Dhuafa sebagai program penguat ekonomi masyarakat miskin di desa bermula tahun 2013. Ia merupakan projek perkongsian bersama institusi-institusi tempatan yang memiliki kompetensi untuk membangunkan desa secara produktif dan lestari. Sepanjang pelaksanaannya, *Collaborate Empowerment* tertumpu kepada penternakan rakyat dan UMKM kreatif. Antaranya adalah perusahaan ikan keli, burung puyuh serta projek-projek kraftangan seperti perabut buluh, cermin mata dan jam kayu serta tenun lurik. Sehingga ke tahun 2017, 1, 800 orang telah menerima manfaat daripada program-program tersebut. Sementara itu, *Trading Area* pula bertindak sebagai platform pemasaran bagi program UMKM untuk para dhuafa. Melalui platfrom ini, para dhuafa dapat memasarkan produk-produk melalui jaringan pemasaran yang dibangunkan dan akhirnya dapat menjana dan menambah pendapatan mereka. Dompet Dhuafa membangunkan *trading area* dengan mengaplikasikan modal perniagaan sosial *mini market* yang didirikan dan menjadikan masyarakat miskin sebagai pemiliknya. Pekerja-pekerja *mini market* tersebut adalah di kalangan para dhuafa yang diberi latihan pengurusan, sistem teknologi, pemasaran dan kerja berpasukan secara intensif sehingga keuntungan yang diperoleh kemudiannya disalurkan untuk membantu masyarakat miskin. Antara program *trading area* yang dibangunkan oleh Dompet Dhuafa adalah *Minimarket Dayamart*, *Minimarket De Fresh* dan *Trading Area Jurug*.

Pengembangan Kawasan atau *Area Development* adalah sebuah konsep pembangunan kawasan-kawasan desa terpilih dengan menggunakan dana ZISWAF untuk menjadi pusat pembasmian kemiskinan secara integrasi. Pembangunan ini dimulakan di kawasan Zona Madina, di tanah seluas 3.6 hektar, wilayah Parung Bogor. Zona Madina telah dirancang dan dibangunkan dengan konsep pembangunan integrasi berdasarkan nilai Islam iaitu *rahmatan lil 'alamin*. Objektif utama pembangunan ini adalah untuk menambahbaik dan mengukuhkan aspek sosio-ekonomi, budaya dan nilai-nilai agama iaitu melalui pembinaaan masjid di tengah-tengah zon tersebut sebagai tanda simbolik agama Islam. Dompet Dhuafa bukan sahaja telah berjaya membangunkan kawasan Zona Madina, sebaliknya turut membangunkan beberapa program agrikultur lain di atas kawasan ini, iaitu

Kampung Silat Jampang, Jampang English Village, Pengembangan Ekonomi, Pemberdayaan Petani Buah Naga dan Nanas, Sentra Ternak Subang dan Rumah Industri Nanas.

### PROGRAM SOSIAL DOMPET DHUAFA

Program Sosial Kemanusiaan Dompet Dhuafa bertujuan untuk memberikan penyelesaian terhadap masalah-masalah sosial dan kemanusiaan sama ada di peringkat negara maupun antarabangsa. Malah, ia merupakan sebahagian daripada misi Dompet Dhuafa untuk mentransformasikan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti kemanusiaan yang bersifat global. Justeru, Dompet Dhuafa bersama dengan para sukarelawan membantu golongan yang ditimpa musibah dan memerlukan bantuan yang bukan hanya meliputi aspek material, tetapi sokongan moral dan bantuan dalam menyelesaikan masalah. Program-program ini ditambahbaik dari masa ke semasa oleh pihak Dompet Dhuafa agar perkhidmatan yang berkualiti dapat disediakan kepada komuniti di Indonesia.

Terdapat 6 program sosial utama yang telah dibangunkan oleh Dompet Dhuafa iaitu Lembaga Pelayan Masyarakat (PLM), Disaster Management Centre (DMC), Badan Pemulasaran Jenazah (BARZAH), Pusat Bantuan Hukum (PBH), Indonesia Development and Islamic Studies (IDEAS) DAN Tebar Hewan Kurban (THK). Sehingga tahun 2017, seramai 1.135 juta orang telah menerima manfaat program-program ini dengan melibatkan 34 buah provinsi di Indonesia dan 27 negara di dunia. Daripada jumlah 1,135 orang ini, seramai 876,408 orang merupakan penerima manfaat daripada program Tebar Hewan Kurban (THK), iaitu salah satu program terbesar di Dompet Dhuafa di mana, setiap tahun haiwan korban diagihkan kepada penerima manfaat di kebanyakan wilayah di Indonesia (Laporan Tahunan Dompet Dhuafa 2017, 2019; Temubual, 2019).

Lembaga Pelayan Masyarakat (PLM) (*Social Service Institution*) adalah program sosial yang berperanan menghulurkan bantuan kecemasan secara langsung kepada dhuafa yang bersifat darurat atau mendesak seperti keperluan asasi iaitu makanan, pakaian dan rumah disebabkan oleh kesempitan modal atau ditimpa musibah atau bencana alam. Bantuan-bantuan yang dihulurkan pula berbentuk sosial, pendidikan, kesihatan, bimbingan kerohanian dan lain-lain program tematik. Lima program utama di bawah LPM ini adalah Layanan Mustahik (Lamusta), Shelter Pasien, Bina

Rohani Pasien, Bina Santri Lapas dan Penanganan Pasiens Psikatri. Pada tahun 2017, sebanyak 32.68% telah menerima manfaat daripada program Bina Rohani Pasien, 42.84% daripada program tematik, 18.70% daripada program Layanan Mustahik, 3.56% daripada program Bina Santri Lapas, 1.11% daripada program Shelter Pasien dan 1.11% daripada program Psikatri Jalanan.

Lamusta (*Mustahik Service*) adalah program perkhidmatan untuk golongan yang memerlukan sama ada yang bersifat mendesak atau yang melibatkan kehidupan sehari-hari mustahik. Perkhidmatan ini dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu bantuan secara langsung kepada kawasan-kawasan yang disasarkan dan bantuan secara berterusan yang dibuat di pejabat LPM. Perkhidmatan ini disertai dengan proses bimbingan dan kaunseling menggunakan metodologi dakwah. Shelter Pasien (*Patients Shelter*) merupakan penyediaan rumah oleh Dompet Dhuafa yang dijadikan sebagai tempat tinggal sementara kepada pesakit yang miskin dan keluarga pesakit tersebut yang menerima rawatan di hospital. Sepanjang tempoh rawatan tersebut, mereka akan mendapat bimbingan agama, menjalani kehidupan yang sihat dan mendapat keperluan harian yang secukupnya.

Bina Rohani Pasien (*Patients Soul Improvement*) adalah program bimbingan rohani kepada para pesakit dengan menggunakan rawatan Islam yang melibatkan pesakit yang berada di rumah atau di hospital. Rawatan ini menggunakan kaedah *bio-psychosocio-spiritual* secara komprehensif yang menekankan aspek kerohanian pesakit. Bina Santri Lapas (*Prison Student Improvement*) pula memfokuskan bimbingan agama terutamanya dalam aspek pemantapan akidah dan ke arah membina kehidupan yang lebih baik untuk warganegara Indonesia yang menjadi banduan di dalam penjara. Fokus utama program ini adalah untuk mempersiapkan mereka untuk menghadapi kehidupan yang lebih baik dan diterima oleh masyarakat selepas mereka keluar nanti. Manakala, program Penanganan Pasien Psikiatri (*Psychiatric Patients Handling*) bertujuan untuk memberi bimbingan agama dan pemulihan kepada pesakit psikatri selain dapat menyelamatkan mereka daripada menjadi gelandangan di jalanan. Selain itu, terdapat juga beberapa program tematik yang dijalankan oleh Dompet Dhuafa antaranya adalah program Bedah Rumah, Bedah Mushala, Tunas Keluarga, Tebus Ijazah dan lain-lain. Program-program tematik ini telah berjaya membantu seramai 14,833 orang di pelbagai daerah di Indonesia dan seramai 34.626 orang

telah menerima manfaat program LPM secara keseluruhannya pada tahun 2017.

Pada 25 Mac 2010, Dompet Dhuafa telah menubuhkan *Disaster Management Centre* (DMC) yang menjadi tunjang kepada pengurusan bencana alam di peringkat tempatan dan antarabangsa. DMC merupakan organisasi yang akan menghulurkan bantuan apabila mangsa ditimpa musibah dan membantu mereka menyelesaikan pelbagai masalah kesan daripada musibah tersebut. Bantuan ini diagihkan ke wilayah-wilayah di Indonesia seperti Sumatera Utara, Barat dan Selatan, Aceh, Kalimantan Barat dan Tengah, Bali, Jawa Timur, Barat dan Tengah, Jakarta, Lampung, Yongyakarta, Gorontalo dan lain-lain yang merangkumi bencana-bencana seperti gempa bumi, letusan gunung berapi, banjir, puting beliung, kemarau, tanah runtuhan dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga bantuan yang dihulurkan kepada mangsa bencana kemanusiaan seperti Somalia, Myanmar, Filipina dan Bangladesh. Pada tahun 2017, bantuan logistik telah diberikan kepada 1008 orang mangsa kemarau di Somalia, bantuan logistik dan diplomasi kemanusiaan kepada 517 orang mangsa konflik kemanusiaan minoriti Islam etnik Rohingya di Myanmar, 507 orang mangsa konflik kemanusiaan minoriti Islam di Iligan, Marawi dan 1820 orang mangsa konflik kemanusiaan minoriti Islam etnik Rohingya di Bangladesh.

Pada 8 Oktober 2015 pula, Dompet Dhuafa telah memulakan program Pusat Bantuan Hukum (PBH) (*Legal Aid Centre*) untuk membasmi kemiskinan melalui bantuan dan perkhidmatan undang-undang dan advokasi kepada golongan miskin dan terpinggir bagi membolehkan mereka mendapatkan keadilan yang sewajarnya. Antara program-program yang dikendalikan di bawah PBH adalah Bantuan Hukum Pidana (*Criminal Legal Assistance/Litigation*), Bantuan Hukum Spesifik (*Special Legal Aid*), Advokasi Kebijakan Public (*Advocacy for Public Policy*), Penyuluhan Hukum (*Legal Counseling*), Konsultasi Hukum (*Legal Consultation*) dan Advokasi Buruh Migran (*Advocacy for Migrant Workers*). Jumlah penerima manfaat program PBH pada tahun 2017 adalah seramai 2,326 orang.

Badan Pemulasaran Jenazah (BARZAH) adalah program yang dikhushuskan dalam bidang pengurusan jenazah untuk masyarakat dan komuniti di Indonesia. Objektif utama program ini adalah menyediakan perkhidmatan percuma kepada keluarga miskin yang ditimpa musibah kematian. Sejak dimulakan pada tahun 2012, empat program utama telah dijalankan iaitu Layanan Jenazah (Corpse Service), Pelatihan dan Pembinaan

Pemulasaran Jenazah (*Training and Coaching in Corpse Handling*), Advocacy (*Advocacy*), dan Program Tematik (*The Thematic Program*). Layanan Jenazah adalah perkhidmatan percuma yang diberikan kepada keluarga fakir, miskin atau dhuafa untuk proses-proses pengurusan jenazah bermula dari hospital hingga ke kubur. Perkhidmatan ini turut disediakan untuk kes-kes kematian disebabkan oleh bencana alam dan kemalangan. Pelatihan dan Pembinaan Pemulasaran Jenazah adalah program latihan dan bimbingan kepada komuniti untuk menguruskan jenazah. Program ini melibatkan pelbagai latihan dan bengkel kepada komuniti dan dilakukan di masjid-masjid sekitar Indonesia. Advokasi merupakan program kolaborasi yang dilaksanakan bersama komuniti untuk menguruskan jenazah yang mengalami kesulitan dalam kes-kes tertentu. Ia melibatkan penyelarasan dengan pelbagai pihak yang terlibat dalam menguruskan jenazah agar urusan tersebut dapat dipermudahkan dalam kes-kes tertentu. Antara program tematik BARZAH pula adalah ganjaran kepada penggali kubur dan sumbangan kelengkapan pengurusan jenazah. Bermula dari tahun 2012 hingga 2017, seramai 17, 554 buah keluarga telah menerima manfaat program BARZAH.

Tebar Hewan Kurban (THK) (*Qurban Animals Distribution*) pula adalah program integrasi bersama Kampoeng Ternak Nusantara Dompet Dhuafa dengan menyediakan bantuan kepada rakan-rakan kongsi petani untuk memelihara haiwan korban agar haiwan ternakan yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi. 876, 408 buah keluarga telah menerima manfaat pada tahun 2017 serta menjangkau ke 120 kabupaten di Indonesia termasuk Filipina, Kalimantan Barat, Yogyakarta, Bali, Banten, Jawa Barat dan Jawa Tengah. Selain itu, pihak Dompet Dhuafa juga turut mempunyai pusat pembangunan dan pengajiannya yang tersendiri iaitu *Indonesia Development and Islamic Studies* (IDEAS). Ia merupakan institusi penyelidikan bukan keuntungan yang komited terhadap kerja-kerja sosial dan kemanusiaan bagi membantu golongan miskin. IDEAS memfokuskan penyelidikan ke arah pembangunan dan pengajian polisi-polisi awam dengan harapan agar dapat berfungsi sebagai perantara dalam menyumbangkan idea-idea kepada pemerintah berkaitan dengan polisi yang lebih berpihak kepada golongan-golongan miskin di Indonesia. Setakat ini, IDEAS telah menerbitkan tiga dokumen utama iaitu Peta Kemiskinan Indonesia: Kondisi, Kinerja dan Prospek Penanggulangan Kemiskinan Kabupaten/Kota (*Indonesia Poverty and Inequality Report 2017*), Penggusuran dan Reproduksi Kemiskinan Kota: Studi Kasus di

Empat Rusunawa Jakarta dan 10 *Policy Brief* dalam Rubrik Dialektika, Jurnal Kebijakan rutin dalam harian Republika.

### **PENGURUSAN DANA ZISWAF OLEH DOMPET DHUAFA**

Pengumpulan dana ZISWAF di Dompet Dhuafa dilaksanakan oleh bahagian yang berkaitan di bawah Direktorat Mobilisasi Zakat dan Wakaf. Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah kutipan dan agihan dana ZISWAF pada tahun 2017. Secara ringkasnya, dana ZISWAF yang dikumpul ini akan diagihkan kepada beberapa program teras di Dompet Dhuafa yang meliputi 5 teras utama iaitu pendidikan, kesihatan, pertanian, sosial dan dakwah serta budaya.

**Jadual 1. Taburan Kutipan Dana ZISWAF bagi Tahun 2017**

No.	Jenis Kutipan	Jumlah (Rp)	Pecahan Peratus (%)
1.	Zakat	145.858	53
2.	Infaq	33.037	12
3.	Infaq Terikat	29.115	11
4.	Korban	27.197	10
5.	Kemanusiaan	15.903	6
6.	Wakaf	20.004	7
7.	Lain-lain	2.375	1
	Jumlah	273.471	-

Sumber: Laporan Tahunan Dompet Dhuafa 2017

**Jadual 2. Taburan Komposisi Agihan Dana ZISWAF bagi Tahun 2017**

No.	Jenis Kutipan	Jumlah (Rp)	Pecahan Peratus (%)
1.	Pendidikan	42.475	22
2.	Kesihatan	39.843	21
3.	Ekonomi	56.567	30
4.	Advokasi	3.073	2
5.	Pengembangan Jaringan	5.393	3
6.	Sosialisasi ZISWAF	21.052	15
7.	Pejabat Operasi	31.052	-
8.	Kemanusiaan	13.902	7
	Jumlah	242.932	-

Sumber: Laporan Tahunan Dompet Dhuafa 2017

Pada tahun 2017, jumlah kutipan dana ZISWAF adalah sebanyak Rp 273.471 juta, sementara jumlah agihan dana ini adalah sebanyak Rp 242.932 juta. Pengagihan dana yang dilakukan oleh Dompet Dhuafa dianggap efektif

berdasarkan kepada *Allocation to Collection Ratio* (ACR) yang dibangunkan oleh BAZNAS dalam Zakat Core Principle, iaitu dengan peratus agihan sebanyak 89%.

**Jadual 3. Hasil Pengumpulan Dana ZISWAF bagi Tahun 2013-2017**

No	Hasil	2013	2014	2015	2016	2017
1.	Zakat	124,33	124,05	147,379	143,34	145,86
2.	Infaq	40,82	37,55	37,049	36,74	33,04
3.	Infaq Terikat	25,28	36,94	41,031	25,94	29,12
4.	Korban	28,17	29,82	26,995	29,47	27,20
5.	Kemanusiaan	3,45	16,10	7,901	11,81	15,90
6.	Wakaf	17,10	7,56	11,875	10,81	20,00
7.	Lain-lain	4,44	5,91	5,359	2,83	2,36
	Jumlah	243,59	257,93	277,589	260,94	273,48

Sumber: Laporan Tahunan Dompet Dhuafa 2017


Jadual 3 di atas pula menerangkan hasil pengumpulan dana ZISWAF bermula dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Dompet Dhuafa secara puratanya mengalami pertumbuhan penerimaan dana sebanyak 3%.

Pengumpulan dana di Dompet Dhuafa dilakukan oleh bahagian berkaitan yang berada di bawah Direktorat Mobilisasi Zakat dan Wakaf. Pada tahun 2017, Dompet Dhuafa telah membawa tiga tema besar dalam memantapkan dana zakat, wakaf, infaq, sedekah dan seumpamanya di Indonesia iaitu Zakatnesia: Zakat 360: Bersama, Kita Buka Belenggu Kemiskinan, Kurbanesia: Tentukan Berkahmu dan #BULANKEMANUSIAAN: Berbagi Berkah, Merangkul Asa.

Zakatnesia: Zakat 360: Bersama, Kita Buka Belenggu Kemiskinan membawa konotasi perubahan yang ingin dibawa oleh Dompet Dhuafa dalam mengumpul dana ZISWAF di Indonesia. Ini kerana, pada kebiasaananya perubahan 360 darjah ditafsirkan sebagai perubahan yang drastik. Dompet Dhuafa menggunakan tagline #Zakat360 untuk mengajak masyarakat Indonesia menyedari hak orang lain di dalam harta kita sama ada dalam bentuk zakat, wakaf atau pun infaq. Setiap hari, Dompet Dhuafa berjuang menyempurnakan “kunci” untuk membuka belenggu, bergerak dengan aktif demi memastikan perubahan 360 darjah ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Bersama-sama tema ini, diharapkan agar berlakunya perubahan secara menyeluruh iaitu dari mustahik menjadi muzakki dan mengubah keadaan hidup yang miskin kepada yang lebih baik dan sejahtera.

Kurbanesia, Tentukan Lokasi Berkahmu membawa semangat korban pada Hari Raya Haji di mana Dompet Dhuafa mengajak masyarakat untuk melakukan ibadah korban dengan memilih sendiri lokasi yang ingin diagihkan daging korban tersebut. Elemen ini membuatkan Kurbanesia menjadi lebih menarik dan memberikan kepuasan yang tersendiri kepada para penderma. Malah, ia turut meliputi pelbagai lokasi dan wilayah di seluruh kawasan di Indonesia. #BULANKEMANUSIAAN: Berbagi Berkah, Merangkul Asa pula membawa tema kemanusiaan ke semua lapisan masyarakat tanpa melihat etnik, agama, bangsa dan keturunan. Ia mampu mewujudkan kebersamaan antara pelbagai kaum dalam suasana yang harmoni, aman dan damai. Terdapat tiga program yang dijalankan di bawah Bulan Kemanusiaan, iaitu gerakan Masjid Berdaya, Program Bedah Masjid Pedalaman dan Program Bedah Kelas Sekolah Marginal. Dompet Dhuafa secara aktif melibatkan orang awam dalam gerakan yang dibawa melalui semangat kemanusiaan, kepedulian dan kekeluargaan.

Pada tahun 2017, Dompet Dhuafa mengalami kenaikan hasil pengumpulan dana sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya. Pertambahan dana dari sumber wakaf dilihat meningkat sehingga 85% pada tahun 2017 kerana pada tahun ini, Dompet Dhuafa telah memulakan program gerakan Sejuta Wakif. Purata penyumbang dana ZISWAF yang menyumbang dianggarkan tumbuh sebanyak 24% setiap tahun.



Rajah 1. Jumlah Penyumbang Dana ZISWAF bagi Tahun 2013-2017

## KESIMPULAN

Islam merupakan agama yang komprehensif dan progresif serta sentiasa mengesyorkan umat Islam berusaha ke arah taraf hidup yang berkualiti sama ada berkaitan kehidupan di dunia maupun di akhirat. Antara ciri utama sistem ekonomi Islam adalah keutamaan yang diberikan kepada matlamat membela kepentingan golongan yang miskin, daif dan kurang bekemampuan dalam pembangunan dan keseimbangan aspek ekonomi dan sosial. Dompet Dhuafa telah berjaya menguruskan dana ZISWAF dengan telus, efisyen dan bertanggungjawab. Kejayaan program yang dianjurkan oleh Dompet Dhuafa melalui dana ZISWAF dapat membantu memperkasakan sosio-ekonomi dhuafa di Indonesia. Kejayaan pengagihan dana zakat, wakaf, infaq, sedekah dan filantropi Islam ini akan memberi kesan yang positif kepada kepercayaan dan keyakinan umat Islam terhadap pengurusan dana sosial oleh lembaga amil zakat, wakaf dan filantropi Islam untuk terus menyumbang demi kesejahteraan dan pembangunan sosio-ekonomi dhuafa di Indonesia.

## RUJUKAN

al-Jarhi, M.A. Towards an Islamic Macro Model Distribution: A Comparative Approach. Journal of Research in Islamic Economics. jil ke-2. Pakistan: Institute of Policy Studies. 1985.

Laporan Tahunan Dompet Dhuafa 2017. Jakarta: Yayasan Dompet Dhuafa Republika. Mac 2019.

al-Maududi, Abu A'la. Economic Problem of Man and Its Solution. Lahore, Pakistan: Islamic Publications. 1975.

Mohd Harun, M.F & Abdullah, A.F. Kemiskinan Mengikut Teori Konvensional dan Perspektif Islam. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA. 2007.

Rahman, A. Economic Doctrines of Islam, ed. ke-2, jil ke-1. Lahore, Pakistan: Islamic Publications. 1990.

al-Qaradhawi, Yusuf. Economic Security in Islamic. Render by Muhammad Iqbal Siddiqi. Lahore, Pakistan: Kazi Publications. 1991.

Temu bual bersama Adi Kurniawan, Ketua Komunikasi Dalaman dan Protokol Yayasan Dompet Dhuafa Republika bersama team ZISWAF

di Bangunan Filantropi. Jl. Buncit Raya Ujung No. 18 Jakarta Selatan,  
jam 10.00 pagi, 20 Februari 2019.

Profil Indonesia. Dicapai 10 Julai 2019.  
<https://ilmupengetahuanumum.com/profil-negara-indonesia/>

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*